

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN**  
**[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status kajian berkaitan projek Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang termasuk tawaran tender bagi tujuan pelantikan perunding oleh MRT Corp beserta perincian kos, kaedah pelaksanaan dan unjuran tarikh permulaan projek.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek LRT Pulau Pinang atau dikenali sebagai LRT Laluan Mutiara akan bermula pada suku ke-4 tahun 2024 dengan pembinaan Segmen 1 iaitu dari Pulau Silikon ke Komtar. Tender-tender untuk Segmen 2 iaitu Komtar ke Penang Sentral dan sistem rel dijangka bermula pada akhir tahun 2024.
2. Di samping itu, proses pengambilan tanah juga akan dimulakan pada September 2024 dan dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan. LRT Laluan Mutiara ini dijangka siap sepenuhnya dan akan mula beroperasi menjelang 2030.
3. Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya projek LRT Laluan Mutiara ini dilaksanakan dengan anggaran kos sebanyak RM10.5 bilion hingga RM13.03 bilion melibatkan 3 kontrak *turnkey* utama iaitu kerja-kerja pembinaan sivil termasuk depoh penyelenggaraan (*Maintenance Depot*) (2 kontrak) serta kerja-kerja sistem dan stokereta (*rolling stock*). Perincian butiran kos dan kos akhir yang sebenar adalah tertakluk kepada keputusan tender-tender yang akan dijalankan.

Sekian, terima kasih.